

Masjid Istiqlal

Lambang Jiwa Bangsa Merdeka

✦ Hafiza Harun

Pembukaan sempadan antarabangsa membolehkan aktiviti ekonomi antarabangsa dan pelancongan semakin rancak dijalankan dari hari ke hari. Program seperti seminar, mesyuarat dan rangkaian kerjasama merentas benua menjadikan dunia kembali sibuk walaupun ancaman COVID-19 masih ada, namun dapat dikawal dengan sistematik.

Alhamdulillah, baru-baru ini penulis berkesempatan mengunjungi ibu negara Indonesia, Jakarta, bagi memenuhi jemputan simposium daripada pihak institut kewangan Islam, Universiti Cambridge. Kunjungan singkat ini dimanfaatkan untuk menjejaki beberapa tempat yang menjadi mercu tanda bagi bandar raya negara jiran ini. Kenangan paling menarik adalah apabila dapat mengunjungi masjid terbesar di Asia Tenggara (dari aspek kapasiti pengunjung pada satu-satu masa), iaitu Masjid Istiqlal. Mungkin segelintir pengunjung yang melancong ke Jakarta pernah menziarahi atau berhenti untuk menunaikan solat di masjid yang gagah di kota besar ini.

“Istiqlal” ialah kata nama bahasa Arab yang bermaksud “kemerdekaan”. Nama tersebut menjadi pilihan pihak berkuasa tempatan untuk diberikan kepada masjid ini bagi memperingati simbol kebebasan negara daripada penjajah. Kisah pembinaan masjid agung ini mempunyai sejarah yang menarik untuk dikaji dan diteladani: Cetusan idea asal untuk mendirikan sebuah masjid besar ini telah dimulakan oleh Menteri Republik Indonesia yang pertama, iaitu K.H. Abdul Wahid Hasyim bersama-sama sekumpulan ulama yang lain.

Idea ini kemudiannya diteruskan dengan pembentukan sebuah yayasan yang mengkhususkan perhatian terhadap projek pembinaan masjid ini. Yayasan




Tulisan khat pada beduk.

tersebut telah diterajui oleh H. Anwar Tjokroaminoto pada 7 Disember 1954. Perancangan usul berkenaan masjid ini dipersembahkan kepada Presiden Sukarno dan mendapat sokongan padu beliau.


Perjalanan selama 17 tahun

Setelah berlakunya pelbagai proses termasuk pemilihan lokasi, akhirnya pembinaan masjid telah dimulakan pada



24 Ogos 1961. Pada fasa lima tahun awal pembinaannya, perkembangan yang dilalui agak perlahan. Kemudian, ditambah dengan pelbagai isu politik dan krisis ekonomi yang melanda negara pada ketika itu, tumpuan ke arah pengurusan masjid menjadi berkecamuk. Hal ini secara tidak langsung merencatkan perjalanan pelan asal projek.


Meskipun masjid merupakan binaan ikonik umat Islam, arkitek yang bertanggungjawab untuk projek ini ialah individu yang beragama Kristian, iaitu Friedrich Silaban. Silaban merupakan arkitek tersohor pada zaman pemerintahan Sukarno dan antara hasil seni binanya yang terkenal termasuklah Stadium Gelora Bung Karno dan Bank Indonesia. Seni bina



Ruang solat wanita.

Silaban untuk Masjid Istiqlal ini dihasilkan menerusi aspirasi yang bersesuaian dengan iklim Indonesia, serta keperluan bagi sebuah masjid seperti yang dikehendaki oleh umat Islam tempatan. Struktur binaan Masjid Istiqlal yang unik ini mempunyai maksud dan justifikasi yang menjadikannya satu monumen yang hebat dan setaraf dengan statusnya seperti pada hari ini. Dengan kubahnya yang besar, terdapat 12 tiang yang menjadi pasaknya, merujuk tarikh kelahiran Nabi Muhammad SAW, iaitu 12 Rabiulawal.

Masjid ini mempunyai lima tingkat yang membawa maksud lima perkara dalam rukun Islam. Selain itu, terdapat satu menara yang dianalogikan kepada keesaan Allah SWT. Menara masjid ini dilapisi dengan marmar dengan ukuran lima meter diameter dan berketinggian 66.66 meter. Selain itu, terdapat tujuh pintu masuk ke masjid yang menggunakan nama-nama Allah (al-Asmaul Husna), iaitu al-Fattah, al-Salam, al-Razzaq,



Mimbar pertama yang diperbuat daripada kayu.

al-Quddus, al-Malik, al-Ghaffar dan al-Rahman. Pilihan nombor tujuh merujuk tujuh lapisan langit dan tujuh hari dalam seminggu.

Penulis dibawa oleh pegawai perhubungan untuk meninjau sendiri beduk besar yang terdapat di dalam masjid Istiqlal. Pengunjung pasti teruja melihat seni binaannya yang diperbuat daripada kayu meranti yang berasal dari Kalimantan Timur, berusia lebih dari 300 tahun. Lapisan beduk pula diperbuat daripada kulit lembu kerana ketahanannya. Terdapat juga tulisan khat yang diukir dalam bahasa Jawa pada badan beduk. Selain itu, dipamerkan juga mimbar pertama yang pernah digunakan oleh Presiden Indonesia sewaktu perasmian masjid. Mimbar yang juga diperbuat daripada kayu ini masih tersergam utuh dan kekal dipamerkan untuk tatapan jemaah.

Berakhirnya penantian ummah

Ketika melewati pintu masjid ini, penulis tertarik melihat binaan

yang kelihatan seperti bangunan pentadbiran umum. Binaan tersebut kelihatan unik kerana pada kebiasaannya, kita sudah dapat mengagak persekitaran sesebuah masjid yang pastinya mempunyai ciri-ciri seni bina Islam. Kedudukannya betul-betul setentang dengan Gereja Katedral yang telah dibina pada sekitar tahun 1901. Difahamkan bahawa kedudukan masjid yang begitu dekat dengan gereja ini berasaskan aspirasi dasar negara atau Pancasila yang dipegang oleh negara republik ini. Baru-baru ini, pembinaan laluan bawah tanah yang menghubungkan masjid dan gereja ini telah disiapkan, namun belum dibuka kepada orang awam secara rasminya. Menurut pemandu pelancong, menjadi fenomena biasa apabila pengunjung gereja meletakkan kenderaan mereka di kawasan letak kenderaan masjid terutamanya pada waktu perayaan tertentu atau majlis keagamaan yang menyebabkan kesesakan di sekitar tempat ibadat tersebut. Pada masa yang sama, mereka juga sudah terbiasa mendengar laungan azan yang berkumandang

Keupayaan menanggung kapasiti yang besar pada satu-satu masa menjadikan masjid ini pusat perhimpunan dan silaturahim atas dasar iman dan iktikad yang sama.

apabila masuk waktu solat bagi umat Islam.

Sebagai sebuah negara yang mempunyai penganut agama Islam terbesar di dunia, iaitu sekitar 231 juta orang, Masjid Istiqlal merupakan simbol kekuatan dan kesatuan ummah. Pembangunan masjid yang terbengkalai disambung semula pada tahun 1966 atas inisiatif menteri agama pada ketika itu, iaitu K.H. Muhammad Dahlan. Akhirnya, masjid Istiqlal siap sepenuhnya selepas melalui tempoh yang panjang, iaitu selama 17 tahun. Perasmian bersejarah pada tarikh 22 Februari 1978 telah disempurnakan oleh Presiden Suharto yang mula memimpin Republik Indonesia sejak tahun 1968.

Pengurusan yang teratur telah diwujudkan bagi memastikan masjid diurus secara profesional dan membawa imej yang baik kepada negara dan bangsa. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud, “Sesungguhnya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut), maka diharapkan mereka menjadi daripada golongan yang mendapat petunjuk.” (*Surah al-Tawbah* 9:18). Keupayaan menanggung kapasiti yang besar pada satu-satu masa menjadikan masjid ini pusat perhimpunan dan silaturahim atas dasar iman dan iktikad yang sama. Laungan azan, iqamat, diikuti dengan

solat jemaah dan *tausiyah* menjadikan Masjid Istiqlal nadi penting dalam penyebaran Islam.

Ziarah Monumen Nasional dan Kota Tua Jakarta

Ziarah singkat ke bumi Jakarta pastinya tidak lengkap jika tidak menjejakkan kaki ke kawasan Monumen Nasional atau singkatannya, Monas. Terdapat tugu Monas yang tersergam tinggi di kawasan lapang yang dikenali sebagai Medan Merdeka, Jakarta Pusat. Berketinggian 433 kaki, tugu Monas dibina sebagai peringatan terhadap perjuangan rakyat Indonesia menentang penjajahan Belanda. Tugu ini mempunyai beberapa bahagian dan para pengunjung perlu membeli tiket masuk. Puncak tugu ini mempunyai bahagian “lidah api” yang diperbuat daripada gangsa dan diselaputi oleh lapisan emas yang menjadikannya kelihatan bersinar dari jauh.

Bahagian lain dikenali sebagai Mahkamah Puncak yang mempunyai keluasan 11 kali 11 meter. Pengunjung boleh melihat persekitaran Jakarta dari kawasan ini serta merakamkan kenangan pada ketinggian ini. Penulis dapat melihat Masjid Istiqlal dengan jelas dari kawasan ini dan tiupan angin yang agak kuat memberikan rasa nyaman di sebalik kepanasan cuaca panas pada ketika itu. Pada bahagian bawah tugu, terdapat kawasan luas berukuran 45 kali 45 meter. Pengunjung boleh melihat taman Monas yang merupakan satu daripada hutan bandar di bandar raya ini. Sebagai sebuah tempat bersejarah, terdapat

sebuah muzium di bahagian dasar tugu, iaitu Muzium Sejarah Perjuangan Nasional yang mempunyai paparan situasi dan gambaran pelbagai sejarah Indonesia yang disertakan penerangan untuk kefahaman pengunjung.

Sebagai pencinta sirah dan tamadun, mengunjungi tapak tinggalan sejarah tidak mungkin dilepaskan. Sebagai sebuah negara yang pernah dijajah oleh Belanda dan kuasa asing Eropah yang lain, Jakarta mempunyai rangkaian kawasan yang menyimpan kesan taklukan ini. Penulis dibawa ke kawasan Kota Tua Jakarta atau juga dikenali sebagai Old Batavia. Sebagai kawasan tumpuan kunjungan ramai, Kota Tua dibahagikan kepada lima zon, iaitu Sunda Kelapa, Fatahillah, Pecinan, Pekojan dan Peremajaan. Sunda Kelapa merupakan kawasan pelabuhan yang strategik.

Pelabuhan Kalapa yang merupakan nama lama bagi Sunda Kelapa telah dikenali sejak abad ke-12, dan pada masa itu merupakan pelabuhan Pajajaran yang paling penting. Kemudian, semasa kemasukan Islam dan penceroboh Eropah, pelabuhan ini menjadi rebutan antara kerajaan Nusantara dengan Eropah. Pihak Belanda pada akhirnya berjaya menguasai hingga lebih dari 300 tahun. Penjajah Belanda ini menamakan semula Pelabuhan Kalapa dan kawasan sekitarnya. Akan tetapi, pada awal tahun 1970-an, nama kuno Kalapa sekali lagi digunakan sebagai nama rasmi pelabuhan lama ini seperti yang dikenali kini sebagai Sunda Kelapa.

Pada tahun 1526, Jeneral Fatahillah dari Kesultanan Demak datang menyerang pelabuhan Sunda Kelapa yang pada waktu itu berada di bawah kerajaan Hindu Pajajaran, dan menamakannya sebagai Jayakarta. Pada tahun 1619, Syarikat Hindia Timur Belanda (SHTB) memusnahkan Jayakarta di bawah perintah Jan Pieterszoon Coen. SHTB kemudiannya membina sebuah bandar baharu yang diberikan nama Batavia. Bandar ini berpusat di sekitar tebing timur Sungai Ciliwung, yang kini dikenali sebagai Dataran Fatahillah. Terdapat banyak bangunan bercirikan Eropah di persekitaran dataran ini yang merupakan binaan Belanda yang masih kekal hingga kini.

Kunjungan pelawat memberikan peluang kepada rakyat tempatan untuk mencari rezeki seperti bermain alat muzik, menyanyi dan menggayakan diri sebagai tokoh perjuangan. Terdapat juga penjaja minuman yang mengayuh basikal, memanggil-manggil pengunjung untuk membeli minuman yang disediakan apabila ada permintaan. Kawalan pihak berkuasa tempatan juga agak ketat di sekitar kawasan Kota Tua ini bagi memastikan tiada jenayah berlaku. Kunjungan berakhir dengan Pelabuhan Sunda Kelapa yang merupakan



Beduk besar yang terdapat di dalam Masjid Istiqlal.

satu daripada destinasi pelancongan.

Kesan sejarah dan *ibrah* silam wajar diambil dari sudut positif bagi membolehkan kita belajar. Elemen negatif boleh dijadikan sempadan untuk mengelakkan kesilapan yang sama dilakukan pada masa hadapan. Kunjungan dan peluang beriktikaf walaupun sebentar di Masjid Istiqlal yang bersejarah pasti menjadi memori yang tidak mungkin dilupakan sampai bila-bila. Merdunya azan yang dikumandangkan oleh muazin sempat dirakam. Semoga Allah memberkati perjalanan hidup kita semua supaya terus dapat menjadi hamba-Nya yang bersyukur. 007